

Headline	Jadikan 4 juta hektar tanah terbiar ladang hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Sep 2022	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	ARIF AIMAN ASROL	AdValue	RM 8,254
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,763



Jadikan 4 juta hektar tanah terbiar ladang hutan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menjadikan lebih empat juta hektar tanah terbiar ladang hutan sebagai langkah mengatasi masalah hutan-hutan simpan yang semakin mengecil akibat terus diteroka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor, berkata, usaha tersebut boleh diteruskan oleh syarikat swasta sebagai pihak yang menguruskan ladang hutan.

“Saya sudah mencadangkan sejak dahulu lagi, supaya tanah-tanah terbiar ini dijadikan ladang hutan. Diberikan kepada pihak swasta untuk mengurus dan menanam pokok-pokok hutan yang cepat tumbuh,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Salleh, usaha tersebut dapat memulihara hutan asli yang ditebang selain memenuhi keperluan kayu negara kerana ia boleh dituai dalam jangka masa kurang lima tahun.

“Ini boleh dijadikan sebagai satu amalan komersial, tidak perlu kerajaan beri duit dan sebagainya sungguhpun Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) ada memberi dana.

“Tetapi jika kita lihat secara keseluruhannya, negara kita amat kaya dengan cuaca dan tanah pada umumnya subur. Jika kita tanam pokok-pokok di kawasan yang sesuai, boleh menghasilkan pokok-pokok untuk memenuhi keperluan kayu negara dan juga eksport,” ujarnya.

Bersambung di muka 3

Headline	Jadikan 4 juta hektar tanah terbiar ladang hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Sep 2022	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	ARIF AIMAN ASROL	AdValue	RM 8,254
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,763

Jadikan 4 juta hektar tanah terbiar ladang hutan

Dari muka 1

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, aktiviti penerokaan di hutan-hutan negara semakin membimbangkan apabila ia semakin pesat dilakukan sehingga mendatangkan bencana kepada penduduk setempat.

Sebagai contoh, Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah (HSKBC) di Selangor semakin mengecil apabila sudah 22 kali

dinyahwarta sejak 1924 dengan keluasan kali terakhir dilaporkan adalah 2,601.319 hektar tetapi kini dipercayai hanya berbaki 2,139 hektar.

Mengulas lanjut, Salleh berkata, hutan asli negara perlu terus dipelihara supaya tidak menjejaskan sumber lain seperti sumber air dan sumber kepelbagaian biologi.

"Hutan asli harus terus dipelihara, ini untuk menjaga

sumber air kita juga. Air pada masa ini sudah menjadi satu sumber yang sangat mahal dan penting.

"Di peringkat antarabangsa, sudah diramalkan perang dunia ketiga akan berasal daripada keperluan air," katanya.

Beliau berkata, hutan asli juga menjadi sumber kepada kepelbagaian biologi dan dalam konvensyen antarabangsa mengenai biodiversiti terse-

but, negara harus memelihara kepelbagaian biologi ini kerana ia adalah satu daripada dua mega biodiversiti di dunia.

"Jika ia hilang, seakan-akan kita membakar perpustakaan tanpa membaca buku-buku yang ada. Dalam kepelbagaian biologi ni ada banyak potensi hasil yang boleh dituai melalui penyelidikan. Mungkin ubat-ubatan untuk kanser dan sebagainya," jelasnya.